

8H7M

# PESONA GUIZHOU + MAGICAL CHONGQING

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

TOUR CODE:
CGC07-AQ



JAMBATAN GRAND CANYON HUAJIANG INI TERLETAK DI GUIZHOU, CHINA, DAN MERUPAKAN JAMBATAN TERTINGGI DI DUNIA, DENGAN DEK JAMBATAN BERADA SETINGGI 625 METER (2,051 KAKI) DI ATAS SUNGAI BEIPAN YANG DILALUINYA.



8H7M

# PESONA GUIZHOU + MAGICAL CHONGQING

SOKA MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

**TOUR CODE: CGC07-AQ**

## HARI 01 KUALA LUMPUR - GUIYANG

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Guiyang.
Bermalam di **Guiyang.**

## HARI 02 GUIYANG - MEITAN - ZUNYI

SP/MT/MM

Lawatan di **Meitan** (include buggy):

• Melawat **Meitan Tea Sea** (termasuk buggy) yang merupakan ladang teh yang luas ini terkenal dengan pemandangan hijau sejauh mata memandang. Pelancong boleh berjalan-jalan di ladang teh, menikmati udara segar, mengambil gambar landskap indah, serta mempelajari proses penanaman dan penghasilan teh China.

Lawatan di **Zunyi:**

• Blok Budaya 1935 terletak di bersebelahan dengan Tapak Memorial Persidangan Zunyi yang merupakan sebuah destinasi budaya, pelancongan dan komersial yang mempesonakan. Di sini, warisan Revolusi Merah berpadu dengan budaya tempatan Guizhou Utara dan trend Guochao, mewujudkan pengalaman yang menggabungkan sejarah, tradisi dan gaya moden China.

Bermalam di Zunyi.

## HARI 03 ZUNYI - CHONGQING

SP/MT/MM

Lawatan di **Chongqing:**

• Bersiar-siar di **18th Staircase**, sebuah kawasan bersejarah yang terkenal dengan tangga batu lama dan lorong-lorong sempit yang masih mengekalkan keunikan gaya hidup tradisional Chongqing. Dari sini, pelancong dapat menikmati pemandangan bandar dan sungai yang memukau, di samping menerokai lorong-lorong klasik, mencuba pelbagai makanan jalanan tempatan, serta membeli cenderamata unik sebagai kenangan.

• Berjalan-jalan di **Jiao Chang Kou (Halal Food Street)** yang menawarkan pelbagai hidangan halal seperti kebab, mi dan makanan ringan tempatan. Pelancong dapat mencuba makanan halal yang lazat sambil menikmati suasana jalanan yang meriah.

• Berjalan-jalan di **Jie Fang Bei** merupakan pusat komersial yang meriah di Zunyi, terkenal dengan suasana moden yang dipenuhi pusat beli-belah, restoran, kafe dan gerai makanan tempatan. Pelancong boleh menikmati pengalaman membeli-belah, mencuba pelbagai juadah istimewa Guizhou, serta menyaksikan keindahan pemandangan malam yang dihiasi cahaya lampu bandar.

• Melawat **Kui Xing Building** yang merupakan seni bina tradisional China dengan skruktur kayu yang rumit dan bumbung bertingkat yang dihiasi dengan ukiran indah. Destinasi ini unik kerana walaupun ia kelihatan seperti berada di tingkat satu, sebenarnya ia terletak di tingkat 22. Pelancong boleh menikmati keindahan seni bina klasik serta suasana yang berbeza dengan kesibukan bandar Chongqing.

• **Qiansimen Bridge** merupakan jambatan moden yang menghubungkan kawasan Yuzhong dan Jiangbei. Terkenal dengan seni bina yang unik dan pemandangan menakjubkan. Dengan pencahayaan LED yang terang, Qiansimen Bridge menciptakan suasana yang menakjubkan pada waktu malam, menjadikannya spot fotografi yang digemari ramai.

• Menikmati pemandangan malam di **Hongyadong.** Kawasan ini berubah menjadi pemandangan yang memukau dengan lampu-lampu berwarna-warni yang menerangi bangunan-bangunan kayu tradisional dan struktur moden.

Bermalan di **Chongqing.**

## HARI 04 CHONGQING

SP/MT/MM

Lawatan di **Chongqing:**

• Melawat **Chongqing Zoo**, pusat pemuliharaan panda gergasi yang terkenal di Chengdu, China. Di sini, pelancong boleh melihat panda gergasi dan panda merah dalam habitat semula jadi yang direka khas. Pemandangannya indah dengan taman hijau, tasik kecil, dan suasana yang tenang.

• Berpeluang solat di **Chongqing Mosque** yang membolehkan pelancong melihat seni bina Islam tradisional yang unik dengan mencerminkan pertemuan budaya Islam dan warisan tempatan dalam suasana bandar metropolitan Chongqing. Di sini, pelancong boleh menikmati keindahan reka bentuk masjid, merasai suasana tenang kawasan ibadah, serta mengetahui sejarah perkembangan Islam di Chongqing.

• Melawat **Liziba Monorail Through-Building Viewing Platform** di mana tren melalui tingkat 6 hingga 8 sebuah bangunan kediaman, menjadikannya salah satu tarikan paling ikonik di bandar Chongqing.

• Bersiar-siar di **Danzishi Ancient Street** yang dapat menjelajahi bangunan bersejarah, kedai-kedai tradisional dan kafe yang menawrakan hidangan tempatan.

Bermalam di **Chongqing.**

## HARI 05 CHONGQING - WUJIANG VILLAGE

SP/MT/MM

Lawatan di **Wujiang Village:**

• Melawat **Wujiang Village** (termasuk Drone Show + Music Fountain + Intangible Cultural Heritage Performances) yang boleh menjelajah perkampungan tradisional yang menampilkan seni bina klasik dan kehidupan tempatan. Di samping itu, mereka boleh menyaksikan pertunjukan dron dan pancutan air berirama muzik, serta persembahan warisan budaya yang mempamerkan tarian, muzik, dan tradisi unik masyarakat setempat, menjadikan pengalaman lebih menghiburkan dan berkesan.

Bermalam di **Wujiang Village.**

## HARI 06 WUJIANG VILLAGE - ANSHUN

SP/MT/MM

Lawatan di **Anshun:**

• **Huajiang Gorge Bridge (Photostop)** yang boleh berhenti seketika untuk berehat, menikmati pemandangan sekitar jambatan dan kampung, serta mengambil gambar kenangan sepanjang perjalanan.

• Berjalan-jalan di **Huangguoshu Waterfall Night Tour** (termasuk Buggy + R-Trip Elevator) yang merupakan air terjun semula jadi yang menakjubkan. Air terjun setinggi 77.8 meter menjadi layar gergasi bagi pertunjukan pelangi laser, hologram motif etnik Bouyei dan persembahan rakyat "Divine Drum Prayer for Water". Perpaduan cahaya, bunyi dan budaya mencipta pengalaman malam yang mempesonakan, melengkapi keagungan Air Terjun Huangguoshu yang dapat dinikmati pada waktu siang.

Bermalam di **Anshun.**

## HARI 07 ANSHUN - GUIYANG

SP/MT

Lawatan di **Anshun:**

• Melawat **Tianhetan Tourist Resort** (termasuk boat+buggy) yang merupakan gunung-ganang yang menghijau, aliran sungai yang jernih, gua batu kapur yang unik, kolam semula jadi dan air terjun yang memukau serta ngarai yang dramatik bergabung membentuk panorama alam yang luar biasa. Keindahan semula jadinya menjadikan Tianhetan dikenali sebagai "The Essence of Guizhou Landscape Tourism ".

• Melawat **Yelang Valley**, sebuah taman ekologi yang menampilkan budaya Yelang purba, landskap karst dan seni kontemporari.

• Bersiar-siar di **Guiyang White Palace** untuk mengambil gambar kenangan, serta menikmati suasana tenang sambil menghargai reka bentuk seni bina yang mencerminkan keunikan gaya Eropah.

• **Jiaxiu Pavilion**, seni bina klasiknya yang anggun serta pemandangan indah di sekitarnya menjadikannya salah satu mercu tanda paling ikonik di Guiyang.

Bermalam di Guiyang.

## HARI 08 GUIYANG - KUALA LUMPUR

SP

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

## PERTUKARAN MATA WANG

CHINESE YUAN
CNY 1 = RM 0.65

## PERBEZAAN WAKTU

China: GMT+8 Malaysia: GMT+8

**Musim Panas:** Jun - Ogos
**Musim Luruh:** Sept - November
**Musim Sejuk:** Disember - Feb
**Musim Bunga:** Mac - Mei




# TOUR HIGHLIGHTS



## 1. 8D MAGICAL CITY

Menikmati pemandangan malam sebagai 8D Magical City di Hongyadong. Kawasan ini berubah menjadi pemandangan yang memukau dengan lampu-lampu berwarna-warni yang menerangi bangunan-bangunan kayu tradisional dan struktur moden.



## 2. MEITAN TEA SEA

Melawat Meitan Tea Sea merupakan ladang teh yang luas ini terkenal dengan pemandangan hijau sejauh mata memandang. Pelancong boleh berjalan-jalan di ladang teh, menikmati udara segar, mengambil gambar landskap indah, serta mempelajari proses penanaman dan penghasilan teh China.



## 3. WUJIANG VILLAGE

Melawat Wujiang Village yang boleh menjelajah perkampungan tradisional yang menampilkan seni bina klasik dan kehidupan tempatan. Di samping itu, mereka boleh menyaksikan pertunjukan dron dan pancutan air berirama muzik, serta persembahan warisan budaya yang mempamerkan tarian, muzik, dan tradisi unik masyarakat setempat, menjadikan pengalaman lebih menghiburkan.



## 4. PANDA HOUSE CHONGQING ZOO

Melawat Panda House di Chongqing Zoo yang merupakan pusat pemuliharan yang menempatkan lebih daripada 20 ekor panda gergasi. Panda di sini terkenal dengan aksi comel dan mencuit hati, malah ada yang kelihatan seperti sedang bermain mahjong di sana sebanyak 2 pasang pandan kembar!

### Hotel Penginapan 3* Hotel

| BANDAR | BIL. MALAM |
|---|---|
| Guiyang | 1 Mlm |
| Zunyi | 1 Mlm |
| Chongqing | 2 Mlm |
| Wujiang Village | 1 Mlm |
| Ansun | 1 Mlm |
| Guiyang | 1 Mlm |

### Jadual Penerbangan

9air 九元航空

| HARI | PESAWAT | SEKTOR | ETD | ETA |
|---|---|---|---|---|
| 1 | AQ 1212 | KUL - KWE | 1925 | 2355 |
| 8 | AQ 1211 | KWE - KUL | 1345 | 1825 |

### Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Termasuk dengan tiket lawatan.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

### Harga Pakej Tak Termasuk

- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.